



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 20 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI BANTU GENERASI 'SANDWICH'		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelaksanaan-program-intervensi-bantu-generasi-sandwich	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-rangka-intervensi-khusus-bantu-generasi-sandwich-berdepan-tekanan-ekonomi-548225	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1473657/kerajaan-tak-boleh-halang-generasi-sandwich-enggan-berkahwin-miliki	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/19/program-buai-catat-12-peratus-kadar-kejayaan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2492624	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2492701	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/19/generasi-sandwich-kpwkm-sedia-intervensi-bantu-rancang-keluarga/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1318400/govt-cant-stop-young-people-choosing-not-start-families-says-nancy	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/19/new-interventions-to-help-sandwich-generation-with-family-planning-says-nancy	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM UMUM STRATEGI EMPAT TERAS STRATEGIK PERKUKUH STRUKTUR DEMOGRAFI MALAYSIA		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289584/kpwkm-umum-strategi-empat-teras-strategik-perkukuh-struktur-demografi	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiabangkit.com/kpwkm-akan-keluar-laporan-menangani-kejatuhan-kesuburan-di-malaysia/	MALAYSIABANGKIT.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	'SEGERA LAPOR JIKA ANAK JADI MANGSA SEKSUAL SIBER, KPWKM JAMIN LINDUNGI KESELAMATAN, MENTAL MANGSA' - NANCY		POSITIF

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1473615/segera-lapor-jika-anak-jadi-mangsa-seksual-siber-kpwkm-jamin>

BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KPWKM PERKUKUH PERANAN SEBAGAI 'TEMAN PENDENGAR' MELALUI SOKONGAN PSIKOSOSIAL		POSITIF

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2492837>

BERNAMA.COM

<https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2492833>

BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	12,000 pegawai, sukarelawan JKM bakal bantu mangsa banjir		POSITIF

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289626/12000-pegawai-sukarelawan-jkm-bakal-bantu-mangsa-banjir>

HMETRO.COM.MY

<https://www.buletintv3.my/nasional/9058-pps-untuk-hadapi-monsoon-timur-laut/>

BULETINTV3.MY

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289709/9058-pps-tersedia-untuk-hadapi-monsoon-timur-laut>

HMETRO.COM.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=SN7T-zL6XUs>

YOUTUBE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	RAMAI TIDAK DIDAFAR OKU KERANA KELUARGA DALAM PENAFIAN, - EXCO WANITA KELUARGA		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/11/1473820/ramai-tidak-didaftar-oku-kerana-keluarga-dalam-penafian-exco-wanita	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/11/19/selangor-calls-for-project-ideas-on-oku-offers-grants	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LEBIH 60 PERATUS PENJAGA WARGA EMAS DI SELANGOR TIADA LATIHAN, IMBUHAN - EXCO WANITA		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1473600/lebih-60-peratus-penjaga-warga-emas-di-selangor-tiada-latihan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289508/nasib-kerjaya-penjaga-orang-tua	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	CHILD RIGHTS: OUR RESPONSIBILITY TO MAKE REAL		POSITIF
	https://focusmalaysia.my/child-rights-our-responsibility-to-make-real/	FOCUSMALAYSIA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	BUANG BAYI SATU TRAGEDI KEMANUSIAAN		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757248/suara-sinar/analisis-sinar/buang-bayi-satu-tragedi-kemanusiaan	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	LELAKI DITAHAN RAKAM VIDEO WANITA DI PEKAN SEHARI TEMERLOH		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-ditahan-rakam-video-wanita-di-pekan-sehari-temerloh/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2492824	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1473868/tular-penjawat-awam-ditahan-rakam-video-wanita-di-pekan-sehari-bahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289768/penjawat-awam-rakam-wanita-di-pekan-sehari-ditahan-bahan-lucah-ditemui	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/19/polis-tahan-kerani-rakam-video-wanita-di-pekan-sehari-temerloh/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757382/berita/semasa/penjawat-awam-ditahan-rakam-wanita-di-pekan-sehari-miliki-video-lucah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1318643/civil-servant-nabbed-after-secretly-filming-woman-morning-market	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/19/civil-servant-who-secretly-filmed-woman-at-day-market-nabbed	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	MAHKAMAH ARAH REMAJA ROGOL RAKAN DITEMPATKAN DI SEKOLAH HENRY GURNEY		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289510/mahkamah-arrah-remaja-rogol-rakan-ditempatkan-di-sekolah-henry-gurney	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/19/remaja-rogol-kenalan-online-dihantar-ke-henry-gurney/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757305/berita/semasa/remaja-rogol-gadis-16-tahun-dihantar-ke-henry-gurney	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115791/teen-offender-sent-to-henry-gurney-school-until-21-for-rape-in-seremban	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/19/court-sends-teen-to-henry-gurney-school-for-raping-acquaintance	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/19/teen-sent-to-henry-gurney-school-after-pleading-guilty-to-rape	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	MAHKAMAH PERSEKUTUAN KEKAL HUKUMAN MATI TERHADAP BAPA HENTAK BAYI OKU		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1473735/mahkamah-persekutuan-kekal-hukuman-mati-terhadap-bapa-hentak-bayi-oku	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289646/hukuman-mati-terhadap-bapa-bunuh-bayi-oku-kekal	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/news.php?id=2492655	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	INDIVIDU DIDAKWA CABUL DUA REMAJA SAH JURULATIH SILAT		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757294/berita/semasa/individu-didakwa-cabul-dua-remaja-sah-jurulatih-silat	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelaksanaan program intervensi bantu generasi 'sandwich'

Nasional - Dicipta: 19 November 2025 06:34 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri | Foto FB KPWK

KUALA LUMPUR, 19 November - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memberi tumpuan khusus kepada generasi 'sandwich' dengan melaksanakan pelbagai program intervensi bagi membantu meringankan tekanan ekonomi serta tanggungjawab menjaga ibu bapa dan keluarga mereka sendiri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, generasi keluarga tersebut mempunyai perancangan hidup mereka sendiri, termasuk memilih untuk tidak mempunyai anak. Namun, kerajaan tetap bertanggungjawab bagi memastikan mereka membuat pertimbangan perkara itu dengan sebaiknya.

"Mereka digelar generasi 'sandwich' kerana selain menghadapi cabaran ekonomi, mereka juga mempunyai perancangan lain untuk menjaga keluarga masing-masing.

"Jadi mereka perlu memikirkan perkara ini dengan teliti. Mungkin ada yang membuat keputusan sekarang, tetapi dalam jangka masa panjang, mereka boleh mengubah fikiran mereka", katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2025 (PERKKS 25) di sini hari ini.

Sehubungan itu, kerajaan telah melaksanakan inisiatif intervensi bukan kewangan, seperti pemberian maklumat, pengetahuan dan panduan, bagi membantu keluarga 'sandwich' menghadapi cabaran serta merancang kehidupan dengan lebih bijak.

Datuk Seri Nancy turut memaklumkan kerajaan sedang memperkukuh persediaan negara menghadapi isu penuaan populasi menjelang tahun 2030, dengan memberi tumpuan khusus kepada pembangunan ekonomi penjagaan (care economy).

"Ini salah satu cara kami membantu menghadapi isu penuaan negara. Ada yang menua tetapi masih sihat, namun ada juga yang memerlukan penjagaan. Maka, menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan perkhidmatan yang membolehkan mereka menerima bantuan dari segi penjagaan," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga mempunyai rangka kerja bagi membangunkan ekonomi penjagaan disamping menyediakan pelbagai program untuk remaja bagi memberi sokongan kepada warga emas.

"Antara program yang dilaksanakan termasuklah program kesihatan, serta inisiatif seperti 'Power', selain program-program lain yang bertujuan membantu mengatasi cabaran supaya golongan terlibat kekal produktif.

Katanya, kerajaan mahu golongan itu terus produktif. Selain itu, terdapat juga dasar dan peruntukan undang-undang yang melindungi kebajikan warga emas.

Kerajaan melancarkan inisiatif ini di Sabah, namun perinciannya masih dalam perancangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan pelan tindakan warga emas.

Sementara itu, kerajaan turut melaksanakan pelbagai program untuk menyokong kadar kesuburan negara termasuk Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BUAI) yang kini merekodkan 1,300 pendaftaran dengan 12 peratus kadar kejayaan awal rawatan, setakat ini.

Usha tersebut turut melibatkan pendedahan kepada pelajar mengenai kesihatan reproduktif melalui KafeTEEN serta bagi mengurangkan kehamilan tidak bertanggungjawab.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM umum strategi empat teras strategik perkukuh struktur demografi Malaysia

Hafiz Ithim
hafzithim@mediaprime.com.my



Temuramah bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.
FOTO AZUDDIN SAAD

Kuala Lumpur : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kini membangunkan Pelan Hala Tuju Kesuburan Negara 2026–2030 iaitu satu strategi jangka panjang untuk memastikan kelestarian struktur demografi Malaysia.

Menterinya, Datuk Sri Nancy Shukri berkata pelan itu berasaskan empat teras strategik iaitu sokongan menyeluruh kepada pembentukan keluarga, persekitaran tempat kerja yang lebih mesra keluarga, akses rawatan kesuburan yang adil dan mampan dan pemerkasaan norma sosial yang mengiktiraf keluarga sebagai institusi asas masyarakat.

"Dengan pelaksanaan pelan ini, Malaysia bukan sahaja bersedia menangani cabaran kesuburan rendah, malah dapat menempatkan institusi keluarga sebagai tunjang pembinaan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

"Sebenarnya pelan ini proses yang sudah dilaksanakan berterusan Tapi kali ini kita perkukuhkan lagi dengan pelbagai program sedia ada," katanya pada majlis perasmian Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2025 (PERKKS 25) di sini, hari ini.

PERKKS 25 mengangkat tema tema megatrend penduduk dan dinamik keluarga: cabaran untuk masa depan lebih berkualiti

menjadi pentas penting untuk menghubungkan teori, dapatan penyelidikan dan pelaksanaan dasar.

Malah KPWK juga bimbang dengan penurunan kadar kesuburan (TFR) negara. Ia mencatat penurunan kepada 1.6 anak bagi setiap wanita pada tahun 2024 iaitu yang terendah dalam sejarah dan jauh di bawah paras penggantian 2.1.

Mengulas berkenaan hala tuju kemerosotan TFR, Nancy berkata, pihaknya mahu golongan lelaki tahu bahawa kemerosotan kesuburan bukan hanya disebabkan wanita.

"Sebab itu kita melaksanakan intervensi melalui Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiiliti (BUAI). Setakat ini, seramai 1,300 peserta sudah berdaftar di bawah BUAJ.

"Daripada jumlah itu, 12 peratus sudah menunjukkan kadar kejayaan kesuburan. Selain itu, kita juga menyediakan rawatan rawatan persenyawaan in-vitro (IVF), rawatan kesuburan Intrauterine Insemination (IUI) serta program-program untuk pasangan berkahwin," katanya.

Pada 7 September lalu, muka hadapan Harian Metro menerusi laporan khas bertajuk Malaysia Kurang Beranak dengan merungkil negara mencatatkan trend penurunan kadar kesuburan jumlah (TFR) yang ketara dalam tempoh 13 tahun daripada 2.1 anak untuk seorang wanita pada 2010 kepada 1.7 anak pada 2023.

Sementara itu, ketika ditanya berkenaan isu kes buli seksual siber yang dilaporkan semalam, katanya, KPWK meminta ibu bapa yang mempunyai anak terdedah kepada gejala penganiayaan seksual dalam alam siber agar tidak berdiam diri, sebaliknya tampil melaporkan kes itu kepada pihak berkuasa.

"Kementerian mempunyai banyak tindakan dan langkah dalam menangani isu ini tetapi dari aspek perlindungan kepada mangsa menjadi antara keutamaan kita. Sekiranya ada laporan (mengenai mangsa terbahit penganiayaan seksual) kita akan bertindak dengan segera.

"Pasukan kaunseling akan memainkan peranan penting dan jika mangsa memerlukan perlindungan penempatan susulan kejadian, kita juga akan membantu," katanya.

Semalam Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mendedahkan satu daripada empat kanak-kanak di Malaysia terdedah kepada kandungan seksual atau mengganggu secara tidak sengaja.

Disiarkan pada: November 19, 2025 @ 2:11pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Segera lapor jika anak jadi mangsa seksual siber, KPWKM jamin lindungi keselamatan, mental mangsa' - Nancy



Oleh Ilah Hafiz Aziz - November 19, 2025 @ 12:27pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. - Foto BERNAMA

PETALING JAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meminta ibu bapa yang mempunyai anak terdedah gejala penganiayaan seksual dalam alam siber supaya tidak berdiam diri, sebaliknya tampil melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya sentiasa menyokong **keluarga** yang menjadi mangsa dan akan terus bersama-sama mencari keadilan dan membantu mereka.

Katanya, perkara utama dalam isu berkenaan adalah memastikan kanak-kanak itu selamat dan tidak mengalami trauma berpanjangan sekiranya terjebak dijadikan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) atau dianiaya dan diugut (sextortion).

"Kementerian mempunyai banyak tindakan dan langkah dalam menangani isu ini tetapi daripada aspek perlindungan kepada mangsa masih menjadi keutamaan kita, dan sekiranya ada laporan (mengenai mangsa terbabit penganiayaan seksual) kita akan bertindak dengan segera.

"Pasukan kaunseling akan memainkan peranan penting dan jika mangsa memerlukan perlindungan penempatan susulan kejadian, kita juga akan membantu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2025, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, dan Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Abdul Shukur Abdullah.

Muka hadapan BH hari ini melaporkan, seorang daripada empat kanak-kanak di Malaysia secara tidak sengaja terdedah kepada kandungan seksual atau bahan yang mengganggu dalam talian, manakala kira-kira 100,000 kanak-kanak menjadi mangsa eksploitasi atau penderaan seksual dalam talian setiap tahun.

Wakil Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) ke Malaysia dan Brunei, Robert Gass, berkata situasi bahaya dihadapi kanak-kanak semakin meningkat ketika landskap digital berkembang pesat di negara ini.

"Di Malaysia, seorang daripada empat kanak-kanak pernah 'terjumpa' kandungan seksual atau mengganggu dalam talian secara tidak dijangka.

"Kira-kira 100,000 kanak-kanak setiap tahun mengalami eksploitasi atau penderaan seksual dalam talian. Ini bersamaan seorang kanak-kanak dalam setiap bilik darjah," katanya ketika mendedahkan situasi itu dalam ucapan di Forum ICT ASEAN, semalam.

Mengulas lanjut, Nancy menegaskan ibu bapa tidak perlu bimbang sekiranya mereka melaporkan kesalahan itu kepada pihak berkuasa.

Katanya, undang-undang negara sentiasa menyebelahi mangsa, terutama dalam usaha mencari keadilan bagi kanak-kanak yang sentiasa dilindungi semua pihak.

"Mangsa akan dibantu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh KPWKM, contohnya pemeriksaan di hospital. Mangsa tidak boleh dipaksa untuk menjalani tindakan itu, malah tidak juga diheret terus ke pusat perlindungan memandangkan setiap tindakan untuk kumpulan ini mempunyai atur caranya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM Perkukuh Peranan Sebagai 'teman Pendengar' Melalui Sokongan Psikososial

19/11/2025 09:35 PM



KUALA LUMPUR, 19 Nov — Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) bersama timbalannya Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad (dua kanan) melawat ke satu pameran pada Pensiidangan Kependudukan Kebangsaan 2025 (PERKKS25) di sini hari ini. —FotoBERNAMA (2025) HAR CIPTA TERPELIHARA.

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) — Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus memperkukuh peranannya sebagai "teman pendengar" melalui penyediaan perkhidmatan psikososial bagi membantu individu mengurus tekanan hidup.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata program itu, yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, bertujuan membina ekosistem sokongan emosi bagi meringankan beban masyarakat.

"Melalui program pendidikan dan sokongan psikososial, kami berharap dapat membantu mereka yang menghadapi pelbagai cabaran.

"Bukan semua masalah dapat diselesaikan sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya, kami boleh menenangkan dan menjadi teman pendengar... untuk membantu mengembalikan kekuatan kepada mereka yang berdepan apa jua cabaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi rakaman audio siar Kasih Lensa Keluarga Bernama TV bertajuk "Kasih Kesejahteraan Masyarakat Malaysia" di Taman Tasik Titawangsa di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin.

Noraini berkata program di bawah inisiatif K.A.S.I.H iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu dan Harmoni itu dilaksanakan selaras aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan ilmu, akhlak dan nilai murni, dengan keluarga memegang peranan penting dalam masyarakat.

"Sebab itu, melalui program yang disediakan kementerian, kami mahu terapkan nilai kasih sayang dalam keluarga kerana ia penting untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera," katanya.

Beliau berkata nilai berkenaan perlu dijadikan asas pembinaan keluarga dan panduan dalam kehidupan seharian kerana ia mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Nilai kasih sayang itu, katanya, bukan sahaja perlu diperkukuh dalam institusi keluarga tetapi juga dalam ekosistem sosial membabitkan rakan dan komuniti sekeliling agar ia membentuk hubungan yang lebih positif serta sikap saling menghormati.

Mengulas mengenai kesan positif dalam pendekatan inisiatif itu bagi mewujudkan masyarakat sejahtera, Noraini berkata skor Kesejahteraan keluarga di bawah Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia menunjukkan peningkatan.

"Skor kesejahteraan mencatat 7.33 pada 2016 dan meningkat kepada 7.93 pada 2022... ini menunjukkan program dan intervensi yang dilaksanakan oleh kementerian sedikit sebanyak berjaya mewujudkan hubungan positif dalam keluarga sekali gus membuktikan keberkesannya," katanya.

Beliau juga berkata kementerian sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif kasih termasuk mendengar maklum balas daripada komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12,000 pegawai, sukarelawan JKM bakal bantu mangsa banjir

Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my



CHE Murad Sayang. FOTO Ihsan JKM

Kuala Lumpur: Lebih 12,000 pegawai dan sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara dalam keadaan bersiap siaga bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) bermula 13 November lalu.

Ketua Pengarah JKM Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata, jumlah itu merangkumi seramai 7,000 pegawai JKM dan hampir 5,000 sukarelawan JKM yang bersedia digerakkan pada bila-bila masa bagi menyantuni mangsa banjir.

Beliau berkata, mereka diletakkan dalam keadaan siap siaga bagi berdepan sebarang kemungkinan banjir di seluruh negara sepanjang MTL yang dijangka berakhir Mac tahun depan.

"Kita bersyukur bila (berlaku) banjir bukan satu negara (sebaliknya) banjir kadang-kadang dua atau empat negeri. Jadi bagi negeri yang tidak terjejas banjir, kita akan gerakkan pegawai-pegawai dan sukarelawan untuk bantu negeri-negeri yang terbabit.

"Selain itu, kita turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) bagi memastikan segalanya berjalan dengan lancar.

"Malah, kita sendiri membuat 38 latihan amal tahun sebagai persediaan menghadapi situasi itu. Alhamdulillah, daripada segi koordinasi berjalan dengan baik," katanya.

Terdahulu, Che Murad Sayang menjadi tetamu pada program Podcast Apa-apa sahaja di Balai Berita Bangsar di sini, tadi.

Che Murad Sayang turut menyeru orang ramai terutama mangsa banjir untuk memuat turun aplikasi MyIBJKM (JKM) bagi membolehkan mangsa bencana menguruskan diri mereka sebelum, semasa dan selepas bencana dengan selamat.

"Aplikasi ini ada beberapa menu di mana pusat pemindahan sementara (PPS) terhampir selain kita masukkan elemen kalau mereka duduk di PPS (Pusat Pemindahan Sementara), layak dapat bantuan wang ihsan.

"Jadi melalui sistem itu, bila sudah daftar, kita akan terus antar kepada NADMA untuk proses pembayaran selain bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang mana kita akan tahu berapa pelajar yang bersekolah yang duduk di PPS yang akan menduduki peperiksaan.

"Dengan cara ini, kita harap tidak ada mana-mana pelajar atau calon peperiksaan terlepas daripada menduduki peperiksaan," katanya.

Dalam pada itu, JKM akan menganjurkan sambutan Hari Kanak-kanak peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka di sini, pada 23 dan 24 November depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ramai tidak didaftar OKU kerana keluarga dalam penafian, - Exco Wanita Keluarga

Oleh Ruwaida Md Zain - November 19, 2025 @ 6:10pm



Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Anfaal Saari bercakap dengan media di Wisma DUN Selangor, di sini, hari ini. - Foto NSTP/FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Ada ibu bapa enggan mendaftarkan anak mereka sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) kerana masih dalam penafian mengenai keadaan anak mereka.

Perkara itu didedahkan Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Anfaal Saari yang bimbang masih ramai golongan OKU tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Negeri Selangor.

Katanya, ada keluarga bimbang akses mereka semakin terhad hingga wujud penafian anak atau ahli keluarga berstatus OKU.

Beliau berkata, berdasarkan rekod yang dikeluarkan JKJ Negeri Selangor, hanya 147,794 OKU berdaftar di Selangor sehingga Oktober lalu.

"Antara halangan atau hambatan kepada pendaftaran OKU adalah 'indenial' oleh ibu bapa tidak mahu anak-anak atau ahli keluarga untuk didaftarkan sebagai OKU.

"Ada juga halangan dari sudut sekiranya mereka diiktiraf dan mendaftar sebagai OKU, akan menyebabkan banyak akses terhad," katanya dalam sidang media di Wisma DUN Selangor, di sini, hari ini.

Terdahulu, Anfaal mengumumkan pelancaran Program Inklusif Inovasi MTOS 2026 (MTOS-SIP 2026) melalui Majlis

Tindakan OKU Selangor (MTOS), sebuah program pepadanan idea pertama di Selangor yang memfokuskan kepada inovasi dasar dan pelaksanaan inklusif untuk komuniti OKU.

Anfaal menjelaskan kini sudah ada kad digital OKU, yang mana proses mendapatkan kad itu mellaui proses lebih mudah.

Beliau menyeru keluarga yang ada anak OKU tampil untuk mendaftar ahli keluarga atau mana-mana individu berstatus OKU.

"Proses pendaftaran kena melalui JKJ, masalah pembelajaran perlu didiagnosis di hospital terlebih dahulu.

"Setakat ini, baru dua peratus saja yang sudah membuat pendaftaran, jauh dari angka ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanyak 15 peratus dari populasi penduduk adalah OKU fizikal atau pembelajaran," katanya

Mengulas mengenai program MTOS-SIP 2026, katanya program itu membuka ruang kepada universiti, badan penyelidikan, NGO, konsultan dan perusahaan sosial untuk menetengahkan idea baharu atau hasil kajian sedia ada bagi memperkukuh ekosistem OKU negeri.

Semua pihak berkepentingan dijemput untuk menjadi sebahagian daripada usaha memperkasa komuniti OKU Selangor secara inklusif, strategik dan berpaksikan bukti.

"Objektif program ini adalah menyediakan platform 'pitching' idea bagi NGO, akademik dan konsultan dalam bidang OKU," katanya.

Beliau berkata, idea-idea yang dikemukakan mestilah berkaitan tiga bidang dasar pekerjaan OKU, penempatan kerja, latihan pekerjaan, keusahawanan sosial dan ekonomi digital mesra OKU.

Katanya, Selangor komited untuk menjadi negeri teladan dalam pelaksanaan dasar inklusif yang progresif dan berpaksikan bukti. Justeru, semua pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dijemput untuk menyertai usaha ini demi memastikan setiap warga OKU mendapat peluang, akses dan maruah yang sewajarnya.

"Mana-mana organisasi yang berminat perlu menghantar kertas kerja konsep beserta profil ringkas organisasi ke emel mtoselangor@gmail.com sebelum 10 Januari 2026," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

Lebih 60 peratus penjaga warga emas di Selangor tiada latihan, imbuhan - Exco Wanita

Oleh Ruwaida Md Zain - November 19, 2025 @ 12:00pm



Anfaal menjawab soalan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam. Foto NSTP/Faiz Anuar.

SHAH ALAM: Lebih 60 peratus penjaga warga emas di Selangor dikenal pasti berstatus penjaga tidak formal, kebanyakannya wanita dan ahli keluarga yang tidak diberikan latihan atau imbuhan tetap.

EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Anfaal Saari, berkata dapatan itu berdasarkan hasil Kajian EMAS Selangor dengan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor menganggarkan terdapat 4,700 warga emas di bawah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), 300 lagi di bawah institusi JKJ dan 2,600 di bawah institusi swasta atau badan bukan kerajaan (NGO).

"Dalam usaha perkukuh kesejahteraan penjaga, kerajaan negeri akan memperkenalkan beberapa langkah dan insentif khas seperti Selangor Care Navigator (Rakan Penjaga Selangor) sebagai penyedia perkhidmatan mikro berperanan sebagai teman memberi sokongan kepada warga emas, bantu rutin harian asas serta kurangkan rasa kesunyian. Mereka juga diberi latihan pengurusan kes bagi membantu mengurus keperluan warga emas secara sistematik dan berkesan.

"Seterusnya, Latihan Penjaga Warga Emas guna modul latihan berasaskan kompetensi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjaga dalam memberikan penjagaan berkualiti. Program ini mensasarkan penjaga dari kalangan ahli keluarga serta sukarelawan komuniti supaya lebih cekap dan yakin dalam menyokong keperluan warga emas serta individu yang perlu penjagaan. Peserta akan diberi latihan kepada penjagaan fizikal, pengurusan kesihatan, psikososial dan mental," katanya.

Menjawab soalan Pua Pei Ling (PH-Bukit Lanjan) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan negeri juga akan menyediakan Respite Care & Wellness Hub dengan menambah baik fasiliti awam sedia ada seperti perpustakaan, termasuk di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai ruang rehat sementara kepada penjaga dan pada masa sama warga emas boleh jalani pelbagai aktiviti.

"Aktiviti itu seperti fisioterapi, berinteraksi dengan rakan penjaga dan aktiviti lain yang dapat meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial mereka. Langkah ini memperkukuh sokongan kepada kumpulan penjaga tidak formal yang menjadi tulang belakang kepada kesejahteraan warga emas di Selangor, sejajar dengan prinsip penjagaan yang adil, mampan dan berpaksikan komuniti," katanya.

Memaklumkan kerajaan negeri juga mengambil langkah proaktif melaksanakan Kajian Warga Emas Selangor serta Perbincangan Meja Bulat (RTD) Iltizam Emas Selangor bagi menilai keperluan dan merumuskan cadangan hala tuju inisiatif berkaitan warga emas, beliau berkata, inisiatif lain selari dengan Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor adalah pelan jangka panjang mengambil kira aspek bagi memastikan kesejahteraan warga emas dipelihara.

"Kerajaan negeri akan membangunkan Model Kewangan Penjagaan Mampan dengan mengambil kira model pembiayaan pelbagai sumber yang melibatkan kerajaan, sektor swasta, komuniti dan filantropi. Selain itu, penumpuan kepada strategi untuk memperkukuh sokongan di peringkat komuniti dan negeri bagi membolehkan warga emas menjalani penuaan setempat iaitu di tempat tinggal mereka dengan selamat dan selesa," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Child rights: Our responsibility to make real

By Datuk Dr Amar-Singh HSS | 2 hours ago | In Opinion | Top



THE theme for this year's World Children's Day on Nov 20 is "My Day, My Rights" and focuses on the right of children to be heard, protected, and empowered. The theme encourages listening to children about their daily lives and experiences, and supporting their right to participate in decisions that affect them.

As I reflect on this theme, I look to our National Children's Policy and Action Plan, recently released in full by the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWK).

Our National Children's Policy and Action Plan explicitly states that it is "a comprehensive policy that covers All children in Malaysia". It aims to chart the work/services to improve the situation for children from 2026 to 2030.

It aims, as one of the four key objectives, to "increase children's opportunities according to their level of ability for meaningful participation in matters relating to their best interests and well-being".

This objective is in line with the theme for this year's World Children's Day. The objective has three strategic priorities for implementation.

But the question remains: how far have we come as a society to listening to children's views and enabling their rights?

Although Malaysia has long been a signatory and ratified the United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC), we have maintained five key reservations on UNCRC Articles.

They are Article 2 (non-discrimination), Article 7 (birth registration, name, nationality), Article 14 (freedom of thought, conscience, and religion), Article 28(1)(a) (compulsory and free primary education), and Article 37 (torture and cruel, inhuman, or degrading treatment or punishment).

These reservations hinder the fulfilment of our National Children's Policy and Action Plan for all children in Malaysia.

Part of the theme of World Children's Day 2025 is about Article 14 of the UNCRC which speaks of the fundamental freedom that we desire for ourselves, one that the UNCRC holds as a basic right for all children: the right for children to hold their own ideas and opinions without being stopped by others.

Parents (and society) have the responsibility to guide their children in the exercise of this right, in a manner consistent with the child's developing abilities.

The fact that our government has placed reservations on this right means that objective four of the National Children's Policy and Action Plan cannot be fulfilled.

But it is not just the government that denies the rights of our children—most parents are also sadly unaware of or deny children their basic rights. As a consequence children are also not made aware of their rights.

We undertook a recent study to evaluate the awareness of urban parents and children about basic child rights. In evaluating six different rights, including respect for the child's view, less than 50% of parents and children were of these rights. The awareness did not change with education or socio-demographic status of the family.

Currently we have a few mechanisms to listen to children and involve them. Children's opinions are not taken seriously and therefore it is critical to implement, in a meaningful and sustainable way, mechanisms to listen to children, and not just token mechanisms.

If we do not include children in our national and regional decision-making and policy processes as well as plans for their lives, we fail their future.

We need to walk the talk. Remember that the words we write on paper, our policy documents, like the National Children's Policy and Action Plan, are our promises to children. Let us make sure they are not false or empty promises.

As we celebrate this year's World Children's Day, let it be with a commitment to make real child rights in our country, starting with our own children but extending to all children.

Let us give them a voice, let us listen and hear them, let us learn from them. It will enrich our lives as adults and the life of the nation. – Nov 19, 2025

Datuk Dr Amar-Singh HSS is a consultant paediatrician and a child-disability activist.

The views expressed are solely of the author and do not necessarily reflect those of Focus Malaysia.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buang bayi satu tragedi kemanusiaan



MUKHRIZ MAT HUSIN [Follow](#)

19 November 2025 08:30am



Bayi bukan sekadar jasad kecil yang memerlukan perhatian, tetapi juga merupakan harapan dan kesinambungan generasi dalam sesebuah masyarakat serta negara.

KES melibatkan jenayah pembuangan bayi terus menjadi satu masalah di negara ini.

Terbaru, seorang bayi perempuan dalam keadaan masih bertali pusat yang ditemukan di sebuah tandas di rumah kampung dekat kawasan Sungai Dua, Butterworth pada 13 November lalu.

Pihak polis menerima maklumat mengenai penemuan bayi itu daripada orang awam kira-kira jam 6.28 pagi.

Hasil pemeriksaan oleh sepasukan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara dan Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang mendapati bayi itu masih hidup dan cukup sifat.

Bayi itu kemudian diserahkan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tindakan susulan.

Bayi bukan sekadar jasad kecil yang memerlukan perhatian, tetapi juga merupakan harapan dan kesinambungan generasi dalam sesebuah masyarakat serta negara.

Dalam Islam, kelahiran seorang bayi dianggap sebagai amanah daripada ALLAH SWT.

Ia bukan sekadar tanggungjawab fizikal, tetapi juga tanggungjawab rohani dan moral.

Islam menekankan bahawa pembinaan insan bermula sejak dari buaian, malah lebih awal lagi melalui pemilihan pasangan, penjagaan ibu hamil serta suasana rumah tangga yang harmoni.

Apabila bayi dibesarkan dengan bimbingan yang baik, mereka bukan sahaja membawa keberkatan kepada keluarga, bahkan memberi impak besar kepada pembangunan negara.

Pada 25 Mac tahun lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri mendedahkan sebanyak 509 kes pembuangan bayi dilaporkan berlaku dalam tempoh 2018 hingga Februari 2024.

Tiga negeri yang mencatatkan jumlah kes kumulatif tertinggi dalam tempoh berkenaan iaitu Selangor dengan 111 kes, diikuti Johor (64) dan Sabah (56).

Menurutnya daripada jumlah itu, 50 kes atau 9.82 peratus telah dituduh di Mahkamah Majistret di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Angka ini menggambarkan realiti pedih, nyawa bayi hari ini begitu murah, diperlakukan seolah-olah sampah, dibuang tanpa belas kasihan.

Sedangkan mereka mungkin menjadi pemimpin masa depan — doktor, jurutera, pendidik, ahli ekonomi, ahli sains atau pembuat dasar negara.

Justeru, inisiatif 'baby hatch' telah dilaksanakan di negara ini sebagai usaha penyelamat nyawa yang memberi peluang kedua kepada bayi-bayi terbuang itu.

'Baby hatch' adalah ruangan khas yang direka untuk membolehkan ibu meninggalkan bayi mereka secara rahsia dan selamat.

Ruang ini dilengkapi dengan sistem khas yang memaklumkan petugas sebaik sahaja seorang bayi diletakkan di dalamnya.

Perlu diingatkan bahawa inisiatif 'baby hatch' tidak sepatutnya dilihat sebagai galakan kepada perbuatan tidak bermoral, sebaliknya lebih kepada usaha menyelamatkan nyawa.

Isu pembuangan bayi tidak lagi boleh dianggap insiden terpencil. Ia merupakan kecemasan sosial yang memerlukan pendekatan menyeluruh dan penyelesaian akar umbi.

Kerajaan, agensi pelaksana, institusi agama, sekolah, NGO, media dan masyarakat perlu berganding bahu.

Pendidikan seksual bertanggungjawab, sokongan psikologi, saluran bantuan krisis kehamilan luar nikah serta penguatkuasaan undang-undang harus diperkasa.

Sebagaimana pepatah "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat", penyelesaian hanya akan tercapai melalui kesatuan usaha.

Menyelamatkan seorang bayi bererti menyelamatkan masa depan sebuah bangsa.

Setiap nyawa itu bernilai, dan setiap anak layak menikmati kasih sayang serta peluang hidup. Jangan sampai kita menjadi masyarakat yang hilang rasa kemanusiaan.

Kerana akhirnya, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Tanggungjawab menjaga generasi masa depan adalah kewajiban bersama, bukan pilihan.

* Mukhriz Mat Husin ialah wartawan Sinar Harian

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki ditahan rakam video wanita di Pekan Sehari Temerloh

🕒 19 November 2025, 8:31pm



Tangkap layar video tular seorang penjawat awam ditahan pengunjung Pasar Sehari Temerloh selepas merakam video seorang wanita tanpa kebenaran

Oleh: Fazli Ahmad

TEMERLOH: Seorang penjawat awam ditahan selepas merakam video seorang wanita tanpa kebenaran di Pekan Sehari Temerloh, di sini dengan sejumlah video serta foto lucah turut ditemukan dalam telefon bimbit suspek.

Video penahanan suspek, 41, yang bekerja sebagai kerani itu yang dikatakan berlaku pada 9 November lalu, turut tular di media sosial.

Mengulas kejadian itu, Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Nasyim Bahron, berkata mangsa yang berusia 33 tahun menyedari perbuatan suspek sebelum lelaki itu ditahan dengan bantuan pengunjung pekan sehari.

Katanya, polis bergegas ke lokasi sebaik menerima laporan dan melakukan penahanan semula ke atas suspek dan merampas telefon bimbit miliknya.

"Pemeriksaan kemudian menemukan sejumlah video mangsa yang dirakam secara curi dalam galeri telefon bimbit, selain sejumlah video dan gambar lucah.

"Siasatan termasuk analisis kandungan telefon bimbit lelaki terbabit sedang dilakukan, dengan suspek ditahan selama 24 jam sebelum dibebaskan, manakala kertas siasatan akan dirujuk kepada pihak pendakwa raya untuk tindakan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 509A Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan mengaibkan kehormatan seseorang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mahkamah arah remaja rogol rakan ditempatkan di Sekolah Henry Gurney

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my



GAMBAR HIASAN

Seremban: Mahkamah Sesyen di sini, tadi, memerintahkan seorang pesalah muda ditempatkan di Sekolah Henry Gurney sehingga berusia 21 tahun kerana kesalahan merogol seorang remaja dikenalnya menerusi aplikasi dalam talian.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh lelaki berusia 18 tahun 11 bulan mengaku bersalah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan pada prosiding laporan sosial dan hukuman.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau sebatan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah merogol seorang remaja perempuan berusia 16 tahun ketika kejadian di sebuah rumah di Taman Kemuning, di sini, antara jam 3.30 pagi hingga jam 4 petang 30 Ogos lalu.

Menurut fakta kes, mangsa ke pusat karaoke bersama seorang rakan sebelum menghantar pesanan ke Telegram tertuduh yang baru dikenali melalui aplikasi Leo.

Mangsa meminta tertuduh supaya menghantarnya ke rumah, namun ketika dalam perjalanan, lelaki itu membawa pelajar tingkatan empat berkenaan ke sebuah rumah.

Mangsa dipaksa masuk ke rumah itu melalui pintu belakang seterusnya dibawa ke satu bilik sebelum dirogol dan kemudiannya dihantar pulang ke rumah kira-kira jam 4 pagi.

Peguam Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Hanis Anisah Jamiludin memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang minimum dengan mencadangkan menjalani program khidmat masyarakat.

Jelasnya, pesalah baru berusia 18 tahun dan membantu bapanya bekerja sebagai buruh binaan untuk menambah pendapatan keluarga yang mana tertuduh mempunyai tiga adik yang masih bersekolah.

Tambahnya, tertuduh berminat untuk mempelajari bidang kemahiran selain memaklumkan sudah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan itu lagi.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan hujah kekerapan kes jenayah seksual dan kepentingan awam.

Pegawai Khidmat Sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut mengemukakan laporan sosial yang dibacakan jurubahasa.

Surita sempat berpesan kepada pesalah muda supaya menggunakan kesempatan itu untuk belajar ilmu kemahiran dan sebaiknya mengambil semula Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mahkamah Persekutuan kekal hukuman mati terhadap bapa hentak bayi OKU

Oleh BERNAMA - November 19, 2025 @ 3:35pm



Foto hiasan.

KUCHING: Mahkamah Persekutuan hari ini mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap seorang bapa yang didapati bersalah membunuh bayi lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) berusia dua bulan dengan menghentak tubuh mangsa.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Azizah Nawawi bersama-sama Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Rhodzariah Bujang dan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Azimah Omar, sebulat suara memutuskan tiada kesilapan oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dalam menilai keseluruhan bukti percikaraan.

Hakim Azizah berkata keterangan saksi utama termasuk isteri perayu serta bukti perubatan oleh pakar patologi adalah konsisten dan menyokong dapatan bahawa Vincent Marcos, 39, menyebabkan kecederaan maut terhadap mangsa.

Menurut fakta kes, kejadian berlaku pada 28 April 2016 dan Vincent menggenggam kaki bayi berkenaan sebelum mengangkat dan menghentak tubuh mangsa ke permukaan sofa selepas menuduh isterinya curang.

Mangsa tidak bergerak selepas hentakan itu, namun perayu gagal mendapatkan rawatan segera walaupun diminta isterinya, dengan bayi terbabit hanya dibawa ke hospital keesokan pagi dalam keadaan sudah meninggal dunia dan terdapat kesan gigitan semut.

Hasil bedah siasat dikemukakan di mahkamah memaklumkan bayi itu mengalami kecederaan kepala teruk termasuk pendarahan subdural, edema otak serta kontusi yang konsisten dengan hentakan kuat pada permukaan tumpul.

Pemeriksaan turut menemui beberapa kecederaan lama pada tulang rusuk, klavikel dan femur, yang menurut pakar berlaku dalam tempoh beberapa minggu sebelum kematian dan selari dengan penderaan berulang.

Mahkamah Tinggi Bintulu pada 2 Ogos 2018 mensabitkan Vincent atas pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Mahkamah Rayuan pada 26 April 2022, mengekalkan keputusan tersebut.

Mahkamah Rayuan memaklumkan tindakan perayu menghentak bayi berusia dua bulan dengan kekerasan sebagai perbuatan yang dalam kebiasaan menyebabkan kecederaan serius atau kematian, sekali gus memenuhi elemen niat atau pengetahuan di bawah seksyen berkenaan.

Pada prosiding hari ini, peguam lantikan mahkamah, Louis Jarau yang mewakili perayu, memberitahu pihaknya menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi pengecualian hukuman mati sejajar Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846).

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Fuad Abdul Aziz berhujah bahawa berdasarkan fakta dan keseluruhan keadaan kes, hukuman di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan adalah paling wajar.

Beliau turut menegaskan bahawa perayu tidak menunjukkan rasa belas kasihan terhadap seorang bayi yang tidak berdaya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Individu didakwa cabul dua remaja sah jurulatih silat



NORAFIZA JAAFAR [Follow](#)

19 November 2025 12:26pm



Tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dan persetubuhan luar tabii terhadap dua remaja perempuan.

MELAKA - Pengerusi Silat Gerak Tok Anjang Masaga, Rashidi Bahari mengesahkan individu yang didakwa mencabul dua remaja seperti dilaporkan media pada 5 dan 14 November lalu merupakan seorang jurulatih silat di bawah persatuan tersebut.

Rashidi berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai kes berkenaan dan mengakui ia mencemarkan nama baik dunia persilatan serta para pengamalnya.

"izinkan saya mencelah dan memberi penerangan berkaitan isu ini. Orang kena tuduh (OKT) adalah merupakan jurulatih silat. itu adalah kebenaran.

"Kes ini disabit kesalahan atas dakwaan salah laku atau cabul ke atas pelatih silat, sama ada bersalah atau tidak, biarlah mahkamah yang menentukan," katanya menerusi maklum balas berkenaan isu berkenaan.



Penjelasan Rashidi berhubung kes cabul membabitkan guru silat di bawah persatuannya.

Pada Isnin serang wartawan sebuah portal berita di negeri ini membuat laporan polis selepas mendakwa menerima ugutan jenayah dan serangan peribadi menerusi Facebook berhubung laporan ditulisnya berhubung kes cabul membabitkan OKT merupakan seorang guru silat.

Serangan menerusi platform media sosial oleh beberapa pihak selepas tidak berpuas hati laporan berkenaan yang didakwa mencemar institusi persilatan.

Pada Jumaat, tertuduh, Yusof Omar, 44, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dan persetubuhan luar tabii terhadap dua remaja perempuan yang juga pelajarinya berusia 14 dan 15 tahun.

Tertuduh, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi kesemua tiga pertuduhan yang dibacakan di mahkamah berasingan di hadapan Hakim Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin dan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Rashidi berkata, media massa hanya menjalankan tugas menyampaikan maklumat.

Beliau menyifatkan kes tersebut sebagai sesuatu yang amat dikesali kerana memberi kesan buruk kepada imej persilatan secara keseluruhan.

"Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Kes sebegini memang mencemar nama baik pengamal persilatan dan amat saya kesali.

"Apa yang hendak saya sebut di sini, persilatan kami telah ditutup serta-merta berkaitan kes ini," katanya.